

RAKSI KERIS: PENGGALIAN FIRASAT MELAYU

Mohd. Ramli Raman
 Akademi Pengajian Melayu
 Universiti Malaya
 Kuala Lumpur.

PENDAHULUAN

Menyelongkar khazanah Melayu sepertilah pencarian yang tidak pernah ada kesudahannya. Semakin dalam penggalian tentang Melayu itu semakin banyak yang menarik kita temui dan semakin penting pula bahan yang kita temui itu. Penemuan dari hasil penggalian warisan atau tradisi ini, akan menemukan kita dengan segi gaya bahasanya, idiom, aspek-aspek estetika, pandang dunia, aliran pemikiran, adanya gagasan, wawasan dan puitika masyarakatnya. Ada ilmu-ilmu *kutika* atau *ketika*, iaitu ilmu yang dihubungkan dengan waktu yang sesuai dalam memulakan sebarang pekerjaan sama ada untuk memulakan perjalanan darat dan laut, untung dan rugi dalam perniagaan, serta dipercayai 'nasi dan lauk tak banyak habis jika dilakukan majlis kenduri kahwin' atau sebaliknya. Pada waktu yang sama juga dihubungkan dengan ilmu *nujum*, *ramalan* dan *rejang* yakni suatu bentuk ilmu telahan bagi mengetahui apa yang telah berlaku dan yang bakal terjadi atau sekurang-kurang digunakan 'mengesan barang yang hilang samada tersalah letak atau dicuri orang'.

Pada waktu yang lain pula *raksi* atau *kias* suatu cara dalam menentukan sesuai atau tidak satu-satu pasangan itu berkahwin yang kadangkala digunakan tarikh lahir antara yang lelaki dengan yang perempuan, kalau perempuan yang lahir hujung tahun dan ketika itu pula musim banjir dianggap lambat, lembab dan 'kurang rajin' serta payah rezeki. Bermakna seharusnya mencari pasangan yang lahir pada musim kemarau bulan empat atau setidak-tidaknya 'api tak sesuai dengan angin', 'tanah serasi dengan air' dan macam-macam cara lagi harus dihitung, dinilai diuji untuk memperolehi 'kesejahteraan dalam hidup'. Ini pula nantinya memerlukan ilmu *firasat* tentang seseorang dengan melihat tanda-tanda lahir, jarinya bagai kacang bendi' tajam meruncing dihujung melambangkan *private property* yang semakin dalam semakin sempit yang secara tidak langsung dihubungkan pula dengan wanita

yang mudah mengandung walaupun silelaki kurang subur. Malah bentuk dan jenis hujung hidung dijadikan panduan tentang *batu meriam* seorang gadis yang kemudiannya diraksi dengan hari dan haribulan untuk menentukan keghairahan atau selera seksnya. Dari situ pula dihubungkan dengan konsep *anak sebagai rezeki*. Dalam pada waktu yang lain pula, kaki juga adalah sebagai simbol *suci* atau tidak bagi seorang anak dara. Jika tumit kakinya pecah-pecah dan kering seringkali ditafsirkan sudah *ditebuk tupai*.

Tidak berakhir di situ sahaja. Setiap denyut nadi, degup jantung, gerak mata kiri dan kanan, sampailah mimpi tidor mempunyai erti dan pengertian tersendiri dalam hayat hidup seorang Melayu. Mimpi ditafsirkan melalui ilmu *mimpi*. Setiap mimpi yang dialami seseorang menggambarkan petanda dan penanda hakikat hidup yang bakal dilalui. Misalnya mimpi yang dialami seseorang pada waktu hampir subuh lebih akrab dengan nasib yang beruntung berbanding dengan mimpi di awal tidur, iaitu selepas jam dua belas malam. Sebagai contoh yang lazim dan menarik terhadap wanita, jika mimpinya dibelit ular lidi, maka jodohnya nanti hanyalah lelaki miskin dan tak punya apa-apa, kecualilah kemudiannya dililit ular sawa yang besar dan ganas, membawa petanda dia bersuamikan seorang lelaki kaya dan kuat fizikalnya, tentu sekali dikaitkan pula dengan citra seksnya. Perkara mimpi ini juga dikaitkan dengan Merah Silu yang bermimpi bertemu Nabi Muhammad dan setelah bangun *senjata sulitnya* telah disunatkan. Ini ada hubungannya pula kepada Melaka yang kemudiannya menjadi sebuah negeri Islam yang agung di zamannya.

Mimpi tentang haiwan atau *Rejang* haiwan ini pula beragam sifat dan bentuknya. Hampir keseluruhan haiwan yang terdapat dilingkungan hidup manusia Melayu itu mempunyai fungsi dan kesan psikologis yang mendalam. Burung hantu adalah lambang kecemburuan yang maha dahsyat, burung punai simbol kasih sayang yang abadi sehingga terangkum dalam pantun, dalam guriindam dan syair, talibun dan lain-lain lagi.

Bukan itu sahaja, malah, kucing, ikan, ketam, tiak, biawak, harimau, musang yang meninggalkan *jabat*, puyuh, lembu, kerbau, kambing, gajah dan segala macam haiwan besar, kecil, ganas dan baik terangkum dalam ilmu *katuranggan*, iaitu ilmu yang dikaitkan dengan tanda-tanda atau alamat yang sedikit sebanyak berdasarkan perlakuan haiwan tersebut memberikan nilai untung atau sebaliknya berdasarkan alasan-alasan yang tidak dapat diterangkan secara logika tetapi diyakini kebenarannya. Malah mitos-mitos perilaku haiwan ini ada yang dianggap *suci* oleh masyarakat pendokongnya.

Ada pula panduan bagi memilih tanah untuk bercucuk tanam, tempat membina rumah, berkampung atau membuka negeri seperti pembukaan Melaka oleh Parameswara di abad ke 14 seperti yang dicerita dalam *Sejarah Melayu*. Tanah bukan sebarang tanah sesuai untuk bertani atau membina rumah. Ada tanah *kong*, tanah *wokmang*, *tanah hitam* dan tidak kurang dari empat puluh jenis berdasarkan kamus orang Melayu. Setiap satunya mempunyai ciri yang khusus. Tanah kong, tanah yang kering, tanpa humus dan tidak sesuai untuk apa jua tujuan. Mereka ada cara tersendiri mengesan dan mengkategorikan jenis. Caranya mudah sahaja. Dengan mengambil sekepal tanah, kemudiannya meramas-maramas dengan tangan, jika tanah itu hancur berkecai, maka ianya tidak sesuai. Sebaliknya jika tanah itu peri dan berair dan tidak mengotorkan tangan, tanah itu sesuai untuk dibuat tapak rumah. Ini menunjukkan bahawa daerah itu daerah yang banyak matair dan kadar kelembapannya tinggi. Dengan cara ini mereka nantinya tidak akan menghadapi masalah kekurangan air untuk keperluan seharian ataupun untuk bertani. Bukan itu juga, haiwan-haiwan yang telah dijelas di atas tadi juga menjadi *perecaman* seperti penyengat atau burung tempua bersarang rendah membawa erti daerah itu tidak akan menghadapi masalah banjir atau sebagainya. Seperti yang pernah dikemukakan oleh Tenas Effendy (1986) antara lain:

1. Menghadap ke utara. Baik sekali, mendatangkan banyak rezeki, jarang ditimpa penyakit dan selalu hidup berkecukupan, seperti dinyatakan ungkapan lama: 'Kalau rumah menghadap ke utara, bagai menahan belat di kuala, satu dipasang dua isinya, dua dipasang empat mengena'.
2. Menghadap ke timor. Baik sekali, penghuni akan mendapat rezeki melimpah, jauh dari segala macam penyakit, seperti dinyatakan ungkapan lama : ' Kalau rumah menghadap ke timor, bagai lukah di pintu air, pagi direndam petang berisi, petang direndam malam penuh, bukan penuhnya oleh apa, penuh emas dengan urai, penuh gelak nan berderai'.
3. Menghadap ke barat. Tidak baik, penghuni bangunan selalu diserang penyakit panas dan tidak tenteram, seperti diungkap: ' Kalau rumah menghadap ke barat, bagai lesung batu tidak beranak, lada ada sambal tak lumat, garam sebuku tak tergiling'.
4. Menghadap ke selatan. Kadang-kadang baik, kadang-kadang tidak baik, seperti ungkapan: 'Kalau rumah menghadap ke selatan, bagai peluntang di tengah sungai,tuah kail puntung mengena, sial kail umpannya habis'.

Pada waktu yang sama juga, sehelai daun akan dilayangkan sebagai panduan melihat arah mata angin yang nantinya diselaraskan bagaimana bentuk rumah dan jenis bumbung yang sesuai dengan konsep 'rumah sejuk' atau setidaknya tidaknya dapat mengurangi tempias hujan pada musim tengkujuh atau musim tenggara serta mengurangkan panas kemarau 'bulan empat'. Cara ini juga digunakan dalam ilmu bahari mereka (ilmu kelautan), sehelai daun dihanyutkan ke gigi laut. Kalau daun itu hanyut ke tengah lautan bererti waktu yang sesuai untuk belayar, jika daun tadi hanyut ke pantai bererti ada gelombang besar di tengah laut. Mereka amat mahir tentang alam, *di situ bumi dipijak di situ langit dijunjung*. Tidak setakat itu sahaja, ada *persetujuan dan perjanjian* dengan *tok nenek* yang mereka angkat dengan metrik *aforisme* dengan penunggu, hantu, jin, puaka atau penghuni alam yang lainnya yang mereka *semah* dengan sedulang *berjamu* melalui mentera yang apabila dibaca memberikan kesan magis menghubungkan dua dunia, ghaib dan nyata dalam konteks supernatural dan paranormal yang sebut sebagai *supraintrinsik*, dengan ritual ulik mayang, bagih, main puteri, ugah bubu, ugah kukur, peduan dan sebagainya dengan jamu sepaha ayam panggang, sepiak sirih pinang, sebatang rokok pucuk daun nipah, sejengkal benang lawe (benang mentah), dengan pengeras dua tiga puluh sen yang diletakan di pohon pari-pari, busut atau apa sahaja yang dianggap *tempat keras* atau keramat.

Daripada contoh-contoh yang diberikan, rujukan juga diberikan kepada jenis-jenis kayu, besi, batu, tanah, benda-benda yang pelik dan sukar diperolehi mempunyai khasiat dan kekuatan ghaibiah tersendiri. Jenis-jenis kayu misalnya, katakanlah kayu gaharu mempunyai kesan yang mendalam terhadap hantu dan makhluk ghaib, buluh perindu, buluh gading dan buluh duri dikatakan mustajab untuk memerdukan suara bagi seorang seniman dalam dunia kepanggungan Melayu seperti Mak Yong, sinden (penyanyi, meminjam istilah Wayang Kulit Jawa) dan seumpamanya. Manakala besi diklasifikasikan sejumlah seratus dua puluh sembilan jenis. Antara yang cukup popular adalah kursani yang kadangkala dikaitkan dengan *kelakian* seorang lelaki, laksemalik sibesi berwajah hijau dianggap besi yang *panas* dan *sial*, akan merosakkan kehormonian rumah tangga, siisteri dan suami akan berperang dari awal pernikahan dan rumah tangga tidak kekal lama, besi batu bulan atau tahi bintang (meteorit) amat berkhasiat untuk dibuat senjata, besi beraja kuno, sejenis besi yang paling keras sesuai untuk dibuat lembing bagi laskar barisan depan. Kekuatan besi ini pula disepuh, ditempa di bong (relau) dengan kepanasan sekitar dua ratus hingga seribu dua ratus darjah fahrenheit menggunakan komposisi satu bahagian arang kayu pokok medang dengan campuran empat puluh bahagian

batu bara (arang batu) yang kemudiannya direndam dalam tuba hitam (arsenik), tuba ipoh dan segala macam racun dengan dua fungsi iaitu pertamanya untuk mengurangkan proses pengaratan dan fungsi keduanya sebagai racun pembunuh, jika ianya dijadikan senjata seperti parang, pedang, tombak, keris dan sebagainya.

Ada pendekatan, ada cara yang fizikalnya mahupun batiniah dilakukan. Adakalanya berdasarkan dalil-dalil alamiah, dan selebihnya proses-proses spiritual dilakukan walaupun kadangkala dilihat tidak menggunakan takulan akliah, yakni ada proses semedi atau bertapa menghubungkan terus dengan dunia ghaib melalui jampi-jampi atau mentera, dikir atau zikir dan *main angin* untuk melihat *yoni*, getaran, isi, cahaya dan sebagainya dalam mencari kesesuaian, kekuatan, barakah sesuatu bendawi. Ada ayat-ayat Al Quran dibacakan sewaktu bertapa yang kemudiannya bermulalah konsep rasa apabila bulu tengkuk meremang, dikuti dengan bunyi dan seterusnya objek dari dunia ghaib yang menyerupai seorang tua yang uzur menandakan bendawi tersebut tidak memberikan nilai yang tinggi, ada puteri hijau, cahaya biru, merah dan kuning, ada wajah-wajah yang menggerikan, dan kalau tidak betul caranya, isi tadi akan menumpang sipemuja dan mungkin memudaratkan diri sendiri. Upacara ini dilakukan berselang satu malam, ada yang tiga malam sampailah ke empat puluh malam. Ada yang terpaksa berpuasa memutih, ngeblam, puasa Isnin Khamis dan hanya makan ubi keledek sahaja dan tanpa makan apa-apa sehingga empat puluh hari, tanpa bergerak ke mana-mana dan hanya duduk-duduk di atas tikar dalam bilik gelap sebagai suatu bentuk proses pembersihan diri bagi mendapatkan jawapan yang tepat berhubung dengan raksi atau sebagainya.

Tentang senjata pula, terutamanya keris, proses raksi atau meraksi bukanlah sesuatu yang mudah. Ianya melibatkan data-data peribadi pemesan atau penempah, termasuklah tarikh lahir, keturunan atau asal usul, usia, pangkat atau jawatan dan sebagainya. Selepas itu hasrat atau niat penempah (iktikad) untuk tujuan apa, misalnya untuk berdagang, bertani, pelaut, dukun, penari dan sebagainya. Seterusnya pandai besi akan memilih jenis besi, besi kursani atau tahi bintang atau besi beraja kuno, ataupun ketiga-tiganya sekali disimpal samada bentuk bilah lurus berdapur tilam sari, tilam upih, daun buluh ataupun berlok damarmuluk (luk tiga) atau sempana lok lima atau tujuh dengan pamor (motif) beras tumpah, pulau tirta, lidi sebatang, puncak gunung dan jenis pamor lainnya yang tidak kurang dari empat ratus jenis yang setiap satunya memberikan lambang-lambang tentang rezeki, kuasa, seks, regalia kerajaan dan merangkumi setiap kehidupan masyarakat atau penggunanya.

TENTANG KERIS

Keris telah direka, dibentuk, disepuh dan ditempa oleh tukang besi atau pandai besi dalam pelbagai bentuk dan kegunaan, Ada yang berluk atau lekuk juga disebut keluk dan juga berbentuk lurus. Lurus dan berlok tidak mempunyai kesan yang khusus dari segi fizikalnya. Namun, fungsi dan kesesuaiannya mungkin berbeza antara seorang dengan seorang yang lain. Ada nama-nama khusus seperti keris pekaka, keris jawa demam, keris Taming Sari, keris panjang, keris picit dan masih banyak lagi nama lainnya berdasarkan daerah dan seringkali dipengaruhi oleh bahasa dan geografi masyarakat setempat. Apatah lagi bagi orang Jawa, ada keris pasopati, tilam sari, tilam upih, pendawa, sempana, nagasastera, beras utah dan banyak lagi nama yang dipakai.

Pada zaman awalnya, keris dicipta dengan bentuk lurus dan sederhana sahaja bentuk dan bilahnya. Tidak ada motif atau pamor. Kebanyakan berbentuk lurus, tebal serta pendek saiznya. Tidak ada motif yang tertentu. Tetapi, akibat perubahan teknologi dan estetika seni garapan, keris sedikit demi sedikit berubah kepada suatu bentuk khusus dengan daya guna yang khas lagi peribadi sifatnya.

Motif-motifnya mula beragam bentuk dan sifatnya, di samping motif tadi bukan lagi hanya ukiran atau tempaan seni semata-mata tetapi menyembunyi simbol atau lambang-lambang yang berhubung dengan kepercayaan dari ananisme sehinggalah ke era kontemporari. Menentukan jenis atau motif sebilah keris haruslah menentukan jenis bilahan keris, serta ciri khusus yang terdapat pada bilahan keris. Ciri utamanya adalah bentuk, lurus atau luk sehinggalah kepada bahagian bawah iaitu ganja dan seterusnya bahagian terakhir, puting keris. Bentuk keris mungkin sama, tetapi tak serupa terutama di bahagian ricikan, mungkin ada ricikan yang berbentuk kembang kacang, belalai gajah atau mulut naga. Ada garapan makna yang mendalam dalam penciptaan keris sehinggalah melampaui makna-makna spiritual sosial..

Keris yang terhasil adalah cetusan daya kreatif dan kreativiti yang terhasil dari hentakan tukul di atas besi tempaan sehingga terhasillah manifestasi maksud yang dipadatkan dengan bentuknya yang abstrak pada kepingan besi, baja, kursani dan meteorit. Hajat dipadatkan dengan mentera-mentera khusus, ada doa-doa yang penuh kekhusukan dari ayat Al Quran dari seorang tukang besi yang ampuh dengan penuh merendah diri terhadap sang pencipta iaitu Allah, tuhan sekalian alam, maka terhasillah bilahan keris. Motif atau dapur sebilah keris sudah mengandungi makna tertentu yang di dalamnya sudah terkandung berkah atau kesengsaraan kepada sipemakainya nanti. Kewujudannya adalah hasrat dan keinginan sipemilik keris, bentuknya seperti lukisan abstrak, sesuatu lukisan yang berbentuk unik, putih di atas dan di dasarnya hitam legam pada bilahan keris. Corak lukisan yang memancarkan suatu kekuatan sugestif tertentu (Ki Hudoyo Doyopuro, 2001).

Sebilah keris adalah sebuah karya seni yang mempunyai nilai tersendiri. Ianya semakin menarik jika ditinjau dari sudut batiniahnya. Ternyata di dalamnya tersirat segala macam getaran yang kuat. Mempunyai getaran yoni dan daya magis yang terpancar dari bilahannya, dari pamor, dari jenis besi, sarung dan hulu serta ukiran-ukiran lain pada sarungnya. Oleh itu ada sesuatu yang harus difahami, dikuasai dan diserasikan antara seorang pemakai dengan seorang pemakai yang lain. Apatah lagi keris yang dimiliki itu bukanlah tempahan atau pesanan khusus oleh pemilikinya kecuali diperolehi dari membelinya dari kedai antik, dihadiahkan oleh seseorang ataupun dimiliki sebagai barang pusaka. Pelbagai kemungkinan akan terjadi. Mungkin keris tersebut bersifat panas, menguntungkan dengan tuah-tuah yang dimiliki, juga berkemungkinan keris tersebut telah memakan darah dan menjaganya perlu dengan cara tersendiri.

Untuk tujuan ini, apatah lagi seorang yang tidak biasa dengan barang antik seperti keris, sudah pasti akan mengalami berbagai-bagai persoalan dan pertanyaan. Mengenali keris adalah perkara dasar serta perlu menelitinya dengan saksama. Sebilah keris harus ditelanjangi dengan mengeluarkannya dari sarung dan kemudiannya dicabut hulu. Bermula dari puting (peci) keris yang dicabut dari hulu dengan bentuknya hampir sama dengan paku sepanjang empat inci, tajam diujungnyanya. Dalam keadaan biasa ianya tertanam di dalam hulu keris. Di bahagian atasnya pula terdapat ganja atau aring. Ada dua bentuk ganja. Pertamanya ganja yang dibuat bersekali dengan keris yang disebut ganja iras. Kedua, ganja yang berasingan (ganja susulan) yang dibuat berasingan, namun besinya masih lagi sama dengan besi bilah keris. Ganja berasingan atau susulan ini pula terdapat dua jenis iaitu pertamanya, ganja susulan yang besinya sama dengan besi keris dan yang kedua, ganja susulan yang besinya berbeza sama sekali. Ianya bertujuan menghilangkan ciri khas keris tersebut untuk tujuan tertentu.

Seterusnya kita akan berdepan dengan pangkal keris (istilah Jawanya *bongkot*). Di sinilah terdapatnya ricikan ataupun perlengkapan (aksesori) sama ada di bahagian depan, tengah dan belakang bilahan keris. Terdapat antara dua puluh hingga tiga puluh jenis ricikan antara lain termasuklah bawang sepotong (bawang sebungkul), picitan,, kembang kacang, lambai gajah, tungkakan, belalai gajah dan

lain-lain lagi. Ke atas pangkal keris adalah bahagian tengah bilahan keris. Di bahagian ini merupakan lanjutan pangkal keris. Bahagian terakhir sebilah keris ialah pucuk atau hujung keris. Hujung keris adalah tajam meruncing. Terdapat empat bentuk asas iaitu pertamanya, berbentuk hujung lidi satay, jenis kedua gabah kosong (padi hampa), ketiga, bentuk ekor tuma dan terakhir bentuk bunga gambir. Namun begitu hujung keris pula terbentuk dua arah, ada yang meruncing ke kiri dan meruncing ke kanan. Meruncing ke kiri lebih bertujuan untuk spiritual dan kebatinan, manakala ke kanan lebih berfungsi sebagai senjata. Ada yang tajam dan ada yang tumpul. Semuanya itu bergantung kepada daya guna pemiliknya.

Di alam Melayu beberapa bentuk bilah keris cukup popular seperti *keris sepukal*, keris lurus, *keris sempana*, keris berlok tiga, lima dan tujuh, *keris cherita*, keris berlok sembilan dan ke atas. Keris jenis ini biasanya digunakan oleh golongan raja dan bangsawan Melayu. Manakala hulu-hulu keris Melayu pula terdiri dari dua bentuk yang amat popular, iaitu, *pekaka* (burung raja udang) dan *jawa demam*. Manakala bagi orang Jawa, hulu (ukiran) *kraton* dengan sarung (*wrangka*), *ladrang* dan *gayuman*. Ini merupakan warisan peninggalan kesultanan Majapahit dan kekal hingga kini dengan dua gaya; gaya Jogjakarta lebih kecil, dan gaya Solo lebih besar.

DUNIA MISTERI KERIS

Terhasilnya sebilah keris bukan hanya sebuah kerja seni yang biasa-biasa sahaja. Bila wujud sebilah keris dengan bentuk tertentu, bermotifkan tertentu pula, tentu seorang tukang keris bukan sembarangan membuatnya tetapi dengan tujuan tertentu pula. Dia sangat teliti dan berhati-hati dalam menyiapkan sebilah keris, sehingga terhasil bilahan dengan 'masuk' daya magisnya. Daya magisnya itu boleh berupa suatu perintah untuk membunuh, penguasaan alam fizikal dan alam ghaib, rasa dingin, rasa panas, marah, kasih sayang, penderitaan, kesakitan dan hawa nafsu yang dinamakan *postipnotis*. Ini melibatkan sugesti kewibawaan, kejayaan, kekayaan, keberanian, sakit, sial, bencana dan kematian. Juga berisikan seorang tua, seorang pendita, hantu puaka, keramat, jin dan sebagainya.

Seseorang yang terlatih akan menggunakan pancaindera dan ditambah dengan indera keenam iaitu supranormal yang mungkin berupa perasaan, ilham atau penginderaan paranormal; yakni halusinasi, supranormal atau bayangan masa lalu dan akan datang, juga kepintarannya.

Keris mempunyai getaran warna yang beraneka ragam. Namun semuanya itu tidak dapat dibayangi dengan mata kasar. Ianya lebih terserlah melalui mata batin, kadangkala lahir seperti kunang-kunang waktu senja, atau jalur cahaya waktu tengah malam atau hampir subuh. Getaran warna pada sebilah keris *merah matahari*, *hitam*, *putih*, *kuning* dan *hijau*. Dan setiap warna itu pula memberikan pengertian, lambang, tafsir, takrif, takulan, dan tamsil yang tersendiri. *Merah matahari* berhawa panas seperti panasnya cahaya matahari pada waktu tengah hari, menguasai nafsu *amarah*. Pemilik keris yang sedemikian rupa lebih cepat marah, berani atau tegas dalam membuat keputusan. Ianya dikatakan sesuai untuk kegunaan seorang laskar atau tentera dan juga mereka yang terlibat dengan ketenteraman awam.

Bagi getaran warna *hitam*, hawanya menggelisahan dan dipengaruhi hawa nafsu dan tamak haloba. Ianya digerakan oleh hawa nafsu *luwamah* yakni, pemiliknya berkerja untuk harta dan kekayaan. Ianya sesuai untuk peniaga. Manakala warna *kuning*, hawanya kosong, sepi serta dipengaruhi hawa nafsu *sufiah*, iaitu dipengaruhi oleh sifat mementingkan diri, keangkuhan yang luar biasa, ingin terus ke depan dan setiap katanya harus diterima oleh orang lain dan dikatakan sesuai untuk disimpan oleh para pemimpin negara. Bagi seorang nenek atau datuk, ulama dan juga pendita, keris yang memancarkan getaran warna atau aura putih amat

sesuai. Ini adalah kerana hawanya sejuk dengan dipengaruhi oleh hawa nafsu *mutmainah*. Ianya melahirkan rasa damai dan tenteram, berjiwa spiritual, bersendirian, tidak mementingkan keduniaan, tidak mengejar wang ringgit dan menjauhi maksiat atau perbuatan yang dilarang oleh adat dan agama.

Warna hijau adalah getaran warna atau aura warna terakhir yang dimiliki keris. Hawanya dingin dan sejuk, dipengaruhi oleh hawa nafsu *mulhimah*. Aura yang penuh rasa kasih sayang, simpati dan empati, mudah bergaul, berkongsi penderitaan, dermawan sifatnya, kasih terhadap anak dan keluarga. Kalau dia seorang suami, dia suami yang baik, begitu juga jika dia seorang isteri dan ibu, ibu yang bertanggungjawab serta penyayang. Sesuai untuk dimiliki oleh seorang pemimpin ataupun peniaga serta guru. Ianya menjadi contoh teladan kepada yang lain.

Penjelasan di atas adalah penjelasan ringkas tentang misteri keris. Namun demikian banyak lagi penjelasan yang *beyond texts* yang amat sukar untuk dijelaskan secara bahasa biasa. Apatah lagi bagi mereka yang kurang arif dengan dunia supraintrinsik, paranormal, supranormal dan dunia batin yang lainnya kecuali para ulamak, para guru silat dan pengkaji alam sufistik.

RAKSI KERIS: BEBERAPA PENDEKATAN

Mengikut A.H. Hill (1956) terdapat beberapa cara melihat keris sama ada keris itu *bertuah* atau tidak termasuklah tanda-tanda istimewa yang terdapat pada bilahnya, kuasa magis yang dihadirkan, jenis pamor dan berapa kali *makan darah*. Beliau mengambil pendekatan dari hasil penelitian G.M Laidlaw (1905: Perak?), G.C. Wooley (1938: N Borneo), G.B Gardener (1936: Malaya) dan I.H.N. Evans (1920: Pahang). Pendekatan pertama ialah menggunakan daun pandan sebagai *tali ukur* dari ganja ke hujung bilah keris. Potong daun pandan sama panjang dengan bilah keris. Kemudian belah dua daun pandan tadi. Letak kembali daun pandan yang dibelah dua, letakan daun pandan tadi untuk mengukur lebar keris dari ganja sehingga ke hujung mata keris. Tandakan posisi mata bilah keris yang di hujung dengan kuku ibu jari tangan. Jika daun pandan yang diukur pada mata keris berakhir di pangkal (kepala) ianya dipanggil *jarum sepucuk*, ianya dianggap memberi tuah kebaikan. Jika daun pandan tadi meregang, ianya memberi petanda buruk, jika penghujung kedua-dua belahan daun pandan tadi berakhir di hujung atau kepala dipanggil *gagak lapar* sesuai untuk berperang. Namun demikian pendekatan ini kurang tepat kerana setiap daerah menggunakan kaedah yang berbeza.

Pendekatan kedua pula menggunakan ibu jari tangan dalam mengukur raksi keris. Bermula dari ganja sehinggalah ke hujung mata keris. Jika ibu jari berakhir betul-betul pada hujung mata keris ianya dianggap bertuah dan sebaliknya. Kiraan ibu jari pertama disebut sebagai *ular berang* keris yang bagus, kiraan kedua *meniti riak* juga baik, kiraan ketiga *riak di titi gelombang ke tujuh* tersangat baik, kiraan seterusnya *karam di laut* tersangat buruk, *timbul di darat* sederhana, *habis hutang*, baik, *berganti hutang*, terlalu buruk dan *hutang lama tiada bayar*, memberi pengertian buruk. Satu cara yang hampir sama iaitu dengan menggunakan ibu jari. Cara mengiranya dengan meletakan ibu jari bermula dari ganja. Ibu jari kiri diletakan sejajar dan dilangkah demi sejar, seterusnya jatuh pada kiraan apa? Jika kembali ke nombor satu atau berakhir hujungnya dengan hitungan pertama, *ombak*, sesuai dipakai kerana orang akan menyanyanginya, kalau kiraannya berakhir dengan nombor kedua atau kiraan kedua disebut *ambakarana*, pemiliknya lebih bersifat tamak haloba, jika berakhir dengan kiraan ketiga, *sambar nyawa*, kerap kali mendapat musibah, kehilangan banyak ahli keluarga kerana seringkali berlaku kematian. Jika berakhir dengan kiraan keempat, *seri lungu*, pemiliknya payah rezeki.

Ada satu cara lagi menguji kekuatan dan keistimewaan keris iaitu dengan meletakan ibu tangan jari kanan di hujung bilah dan ditekan kuat, manakala ibu jari

kiri di ganja keris. Jika terdapat denyutan nadi di kedua-dua bahagian, ianya dikatakan keris baik atau sebaliknya. Jika tidak terdapat sebarang denyutan nadi, maka ianya tidak sesuai untuk orang yang meraksinya atau keris itu dikatakan keris *kosong*, tanpa penghuni, tanpa yoni dan tidak mempunyai *nilai berkah* lagi. Bukan itu sahaja, cara yang paling mudah ialah dengan cara tangan kanan memegang hulu keris dan tangan kiri memegang sarung keris. Jika keris dapat ditarik dari sarungnya dengan sekali tarik bererti keris itu sesuai untuk mereka yang melakukan terutama untuk tujuan berperang. Jika keris itu tersangkut-sangkut dan tidak dapat ditarik dengan sekali tarik, bererti ianya mungkin panjang, berat ataupun tangan sipelaknya tidak cukup panjang, maka ianya tidak sesuai bagi pelakunya.

Ada lagi cara lainnya untuk meraksi keris. Dengan menggunakan benang atau tali, diukur dari hujung ganja sehingga hujung keris. Seperti gambarajah berikut:



Berapa panjang ukuran tadi dilipat tiga atau dibahagi tiga, satu bahagian dibuang.




Adapun yang dua bahagian diukur pula daripada hujung sehingga melalui tengah-tengah bilah keris.



Rajah 3

Lalu diukur pula lebar bilah keris dari sisi ke sisi (dari sebelah kiri ke sebelah kanan atau sebaliknya mengikut tujuan), terdapat beberapa lipatan, lalu dibuang lapan lipatan, yang tinggal hanya beberapa lipatan.



rajah 4


Jikalau hanya tinggal satu lipatan ianya disebut *naga ratna sempurna*, memberikan pengertian kewibawaan dan perangai tokoh-tokoh agung terutama temenggong, laksamana dan perwira, jika dibawa ke medan perang dapat menyelamatkan diri dan negara. Kalau tinggal dua, dipanggil *sura cendera ratna*, ianya baik dan kalau dipakai oleh petani dan peniaga akan memperolehi keuntungan serta mendatangkan kekayaan, dan kalau dipakai oleh orang biasa akan membawa kesenangan dan kebahagiaan rumahtangga. Jika tinggal tiga, disebut *jati kumba mahalaba*, jika dia

seorang pekerja cepat naik pangkat dan dipercayai oleh majikan serta mudah lepas dari dugaan. Jika empat, dikenali sebagai *rangga janur*, buruk, dibenci orang, rumah tangga jadi panas dan payah rezeki. Kalau tinggal lima, dipanggil *arjuna surapati*, baik, jika disimpan keris ini dipercayai ditakuti oleh musuh, menjadikan pemiliknya orang yang baik dan murah rezeki.

Sekiranya lilitan tadi tinggal enam, ianya disebut *bima sawa*, terlalu buruk dengan sifat yang terlalu zalim, ganas, tidak boleh dipercayai, sering mendapat musibah dan boros berbelanja. Jika tinggal tujuh, dipanggil *destira madijam*, terlalu baik dengan ketokohan seorang pemimpin, dia juga bersifat pendita, bahagia rumahtangga, disenangi orang dan cepat naik pangkat. Jika lipatan itu tinggal lapan, ianya disebut *sadewa binandon*, terlalu buruk, jadi melarat papa kedana, seringkali mendapat penyakit, kalau berdagang tidak pernah untung, harta benda selalu dicuri orang.

Cara yang sama juga boleh digunakan, tetapi tanpa membuang lapan bahagian seperti cara di atas tadi. Cuma dua lipatan itu dililit sebanyak lapan kali untuk lilitan pertama dan jika tali tadi masih panjang dililit lagi bermula dengan kiraan satu sehinggalah angka terakhir mungkin sampai tiga ataupun mungkin mencapai angka lapan lagi. Jika lebih, lilitannya satu, dipanggil *seri ratna kumala*, sesuai untuk mencari kekayaan dan harta benda, jika dua, *jati takir*, cepat dalam membuat pertimbangan dan strategik, jika tiga, *bima rajek besi*, mempunyai personaliti yang baik. Kalau empat, dipanggil *kuda miyara*, suka berkelahi dan sombong. Manakala kalau tinggal lima *satria ledang*, suka bermain-main atau melancong. Jika, enam lipatan tinggal, dipanggil *rajuna ransangpati*, seorang yang cepat pemarah, bengis dan kasar. Tujuh pula memberikan pengertian *seri natajurit*, memberikan sifat menentang dan keras kepala serta menolak pandangan orang dan yang terakhirnya jika berakhir dengan lapan, disebut *makan tuan*, mengsensarakan pemiliknya iaitu makan tuan. Keris yang mendapat raksi sedemikian haruslah dibuang ke sungai atau ke laut, kerana jika dijumpai oleh orang lain, dia juga akan menimpa nasib yang sama.

Pendekatan berikut dipetik dari *Kitab Sedjarah Keris (1951)*,



1. Cakra : Buruk
2. Kendal/kendala: Buruk
3. Gunung : Baik
4. Guntur : Buruk
5. Segara : Baik
6. Madu: Baik

Semua jenis dianggap baik dan harus dimiliki oleh sesiapa sahaja kalau bilangannya jatuh pada *gunung, segara dan madu*. Ianya boleh digunakan untuk apa tujuan sekalipun. Manakala kalau perhitungannya jatuh pada *cakra, kendala* dan *guntur*, dianggap keris panas dan membawa malapetaka kepada pemiliknya.

Pengiraan dikatakan lebih baik jika kedua-dua belah bilahan keris keris diukur. Bermula dari hujung aring sebelah kiri dimulakan dengan *cakra*, pertama, *kendala*,

kedua, ketiga *gunung*, *guntur* keempat dan *sedara*, kelima yang berakhir dihujung mata keris dan kemudiannya bermula sebelah kanan dengan *segara* kelima, *madu* keenam, kembali kepada *cakra*, pertama, *kendala* kedua dan berakhir di bahagian racikan ganja dengan *gunung*. Kalau keris yang dihitung itu berakhir dengan *gunung* adalah keris yang terbaik dan seharusnya disimpan sebagai harta pusaka. Seperti yang dijelaskan di bahagian awal makalah ini, raksi keris bukan hanya secara mengukur fizikalnya, iaitu dari ganja sama ada menggunakan daun pandan, tali dan ibu jari, tetapi suatu bentuk atau pendekatan spiritual seringkali diamalkan oleh masyarakat Melayu. Dari kaedah batiniah yang mudah sehinggalah ke peringkat yang tinggi dan rumit.

Pertamanya sebilah keris diletakan di bawah bantal tidur semalaman sepanjang waktu tidor pemilikinya. Dalam pendekatan atau kaedah ini, pemilikinya mengharapkan sesuatu yang mungkin wujud dalam mimpi tidurnya nanti. Dikatakan keris yang baik dan panas akan mempengaruhi mimpi tidor pemilikinya. Ada yang hadir dalam bentuk cahaya seperti yang dikemukakan terdahulu, ada yang datang dalam bentuk isi seperti seorang tua, hantu, lembaga dan sebagainya. Jika perlakuan keris yang diletakan di bawah bantal gagal mendatangkan apa-apa mimpi, keris tadi dicabut dari sarungnya kemudian ditikam pada buah betik muda atau nenas, juga labu dan mentimun, kemudiannya diletakan ditempat selamat selama tiga hari. Selepas itu keris tadi dibersihkan dan disapu minyak cendana, zafron, melati, kenanga dan haruman yang lainnya dan kadangkala diikat dengan bunga melati atau kenanga. Cara ini sebenar adalah merupakan suatu proses penyucian keris secara mudah. Jika inginkan proses yang dianggap baik oleh masyarakat Melayu, pemilikinya harus menunggu di bulan Muharam, ianya mengikut kepercayaan masyarakat Melayu adalah bulan yang paling baik untuk membersihkan, menjamu dan menghidupkan isi keris.

Pada malam berikutnya keris tadi hanya diletakan di atas bantal tidur pemilikinya dan bahagian yang terkena keris dibalikkan dan keris tadi disimpan kembali di tempat simpanan asalnya. Jika keris itu mempunyai getaran atau aura dikatakan isinya nanti akan hadir secara langsung sebelum pemilikinya tidur atau hadir dalam mimpi. Bentuk objek yang muncul akan menentukan kesesuaian keris itu kepada pemilikinya. Jika yang hadir itu seorang pendita, cahaya hijau, kuning, atau lembaga berserban dan berpakaian serba putih dianggap baik, jika sebaliknya yang keluar dalam mimpi itu lembaga yang mengerikan, hantu, jembalang atau jin kafir, ianya tidak sesuai untuk apa jua tujuan kebaikan. Namun demikian keris-keris yang bersifat demikian dianggap sesuai untuk segala macam dengan ilmu-ilmu hitam atau *black magic*. Misalnya untuk tujuan membunuh, mencuri, ilmu kebal, membela hantu dan sebagainya. (Mohd. Ramli Raman: 2000).
Jika semua yang dikemukakan di atas itu gagal, satu cara terakhir ialah dengan cara zikir. Zikirnya adalah seperti berikut:

Bismillahirmanirahim
Alfatihah 3x
Kulhuallah 3x
Surah Yasin 1x
Surat Al Hadid 1x

Sifatullah, Wujudullah, Nurullah, Kalamullah, Allhahuakhbar.....
Diulang-ulang lima puluh kali setiap satu kemudian niat:

Aku nak bertemu dengan isi di dalam jika baik baiklah...

Jika jahat keluarlah.....

Diulang-ulang lagi zikir tadi lima puluh kali setiap satu kemudian niat dan seterusnya sampai subuh.

(Sumber : Silat Selendang Merah Dan Pertubuhan Margoluyo).

Jika gagal, proses ini harus dihentikan pada malam esoknya dan disambung lagi pada malam berikutnya. Ini bererti harus dilakukan selang semalaman sehingga dirasakan tiada apa-apa getaran terhadap keris itu. Namun dipercayai dengan melakukan zikir yang sedemikian rupa, pemilik keris akan berdepan dengan rasa, yang mungkin rasa takut, rasa ngeri, rasa selesa dan sebagainya. Dalam prosesi zikir ini pula diikuti dengan derap bunyi getaran atau aura keris yang diletakan di depan sejadah atau di kanan pemilikinya sewaktu berzikir. Derap bunyi ini merupakan proses kedua yang melibatkan kehadiran objek-objek tertentu dari isi keris tersebut, samada suara yang sayup-sayup kedengaran dari jauh, semakin lama semakin dekat. Setelah itu muncullah objek sebenar isi keris dalam bentuk apapun. Dengan mengetahui objek yang muncul, pemilikinya dapat menentukan kebaikan dan keburukan keris yang dimilikinya.

Pada waktu ini dikatakan pemilik keris boleh berdialog dengan isi atau yoni keris mereka. Proses menghantar pulang atau memasukkan kembali isi keris dilakukan dengan mengulangi zikir tersebut.

PENUTUP

Begitulah antara beberapa proses yang ditemui dalam meraksi keris dan kesesuaiannya kepada pemilik dan pengguna keris. Mungkin setengah cara itu dianggap kurang masuk akal oleh generasi kini, tetapi di dalamnya terkandung segala macam ilmu. Ada ilmu pengetahuan yang berhubung dengan teknologi metal, astronomi, astrologi, ramalan, nujum, ilmu menafsir mimpi, keris dikaitkan dengan seksologi, alam misteri alam ghaib, hukum dan peraturan, ilmu hisab dan hitungan, ilmu pertukangan termasuk rumah dan senjata, mentera, perdukunan, perbomohan yang melibatkan ilmu pengubatan, ilmu bahasa yang sampai sekarang masih belum dapat diterjemahkan antara hubungan gunung dengan kesejahteraan, sempena luk tiga sampai luk tujuh, horoskop dan ramalan bintang, zikir dan amal ibadat.

Di antara ilmu bintang dan ilmu penerangan kepada ilmu takbir mimpi, kias dan raksi, ilmu perubatan, ilmu berahi, ilmu bahasa, ilmu pertukangan, ilmu tanaman, ilmu perwayangan, ilmu menternak haiwan, ilmu hisab dan hitungan, semuanya berkaitan antara satu sama lain. Dengan hanya melihat raksi keris, kita sebenar telah berdepan dengan segedung ilmu tinggalan nenek moyang. Kajian yang dilakukan barulah hanya peringkat permulaan walaupun telah banyak dikaji oleh sarjana barat, namun perspektif mereka adalah lain sama sekali. Ada hal-hal yang tertinggal dalam kajian mereka. Faham dan kefahaman budaya satu-satu bangsa bukanlah perkara mudah. Ini adalah kerana ada hal-hal yang sangat peribadi sifatnya dengan lambang-lambang yang tidak akan difahami secara mutlak oleh orang lain seperti yang disebut terdahulu dalam makalah ini terutama lambang-lambang semiotik berhubung meraksi keris.

Penggalian tradisi terhadap sesuatu budaya bendawi (*material culture*) seperti keris misalnya tidak akan lengkap tanpa melihat mentifak dan artifak yang lainnya. Ianya ada hubungan pula dengan cerita-cerita rakyat, watak-watak dalam perwayangan, aforisme perbomohan, *allusion*, *allude*, metafora secara sintaktik, semiotik dan semantik. Seterus kita akan berdepan pula dengan dialogisme pengarang, penyair, pandai besi situkang besi, ada subjek kolektif, selera bangsa yang dalam waktu yang sama terikat dengan puitika bangsa di samping nilai-nilai estetika berserta pula firasat dan filsafat bangsa.

Wallhuallambissawab.

Rujukan

- Bambang Harsrinuksmo, 1995. *Pamor Keris*. Jakarta : C.V. Agung Lestari.
- Harun Mat Piah, et al., 2000 (Edisi kedua). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah, 1989. *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasim Ahmad (ed.), 1966. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kitab Sejadrah Keris*, 1951 (tanpa pengarang): TokobukuKi Hudoyo Doyodipuro, 2001 (cetakan ke 6). *Keris Daya Magic-Manfaat-Tuah-Misteri*. Semarang: Dahara Prize.
- Masyarakat Melayu Riau dan Kebudayaanannya*, 1986 (prosiding). Pekan Baru: Pemerintah Propinsi Daerah Tingkat I Riau.
- Raja Ali al-Haji Riau, 1965. *Tuhfal al-Nafis: Sejarah Melayu dan Bugis*. J. Bharu: Malaysia Publishing.
- Skeat, W.W., 1967. *Malay Magic*. New York: Dover Publication, Inc.
The Keris and The Other Malay Weapon (1998), Reprint No.16. Kuala Lumpur: MBRAS.
- W.G. Shellabear, 1979 (Cetakan kelima). *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.